

**BAHAYA SYIRIK: KEDUDUKAN AKIDAH DALAM ISLAM.** Oleh: Dr. Abdullah Yasin. Penerbit: Al Furqan Enterprise. 2008. Halaman 106.

Buku bersaiz poket bertajuk Bahaya Syirik: Kedudukan Akidah dalam Islam dikarang oleh Dr. Abdullah Yasin, seorang pendakwah bebas dan juga pengerusi majlis syura Gabungan Ahli Sunnah Malaysia (GASMA). Buku ini diterbitkan tanpa mempunyai Nombor Buku Piawai Antarabangsa (ISBN). Buku ini ditulis untuk menerangkan tentang jenis-jenis syirik yang boleh merosakkan iman. Antara kelebihan buku ini ialah penulis menggunakan rujukan yang sah untuk dijadikan hujah dan sokongan kepada isi-isi penting. Selain itu, pengalaman selama lebih 40 tahun penulis dalam gerak kerja dakwah menjadikan penulisan penama tidak hanya sekadar teori sahaja.

Buku ini dimulakan dengan pujian kepada Allah ﷻ yang telah mengutuskan rasul untuk menyampaikan risalah iaitu Al-Quran dan Al-Sunnah bagi membezakan diantara kebenaran dan kebatilan seperti perbezaan antara tauhid dan syirik. Penulis menitikberatkan tentang isu ini kerana ia adalah dosa yang paling besar dalam agama Islam di mana mereka yang melakukan amalan mempersekutukan Allah ﷻ tidak akan diampunkan selagi mereka tidak bertaubat dan dijanjikan bahawa mereka akan kekal di dalam neraka jahannam selama-lamanya jika mati dalam keadaan mereka tidak sempat bertaubat. Ramai di antara kita yang beribadah kepada Allah ﷻ tetapi dalam masa yang sama melakukan perbuatan syirik sama ada sedar atau tidak sedar. Oleh yang demikian, wajib untuk setiap Muslim mempelajari bahaya syirik supaya kita terhindar daripada perbuatan menyekutukan Allah ﷻ tanpa kita sedar. Penulis mendedahkan beberapa amalan syirik yang masih lagi berlaku dalam masyarakat nusantara dan punca utama berlangsungnya amalan tersebut dalam masyarakat.

Bab 1 (dari muka surat 8 sehingga 11) menerangkan tentang kedudukan akidah dalam Islam. Ia dimulakan tentang dakwah yang paling awal selama 12 tahun di Mekah adalah tentang teras agama Islam iaitu tiada sembah yang berhak untuk disembah melainkan Allah ﷻ sahaja. Selepas itu barulah diperintahkan dengan hukum dan ibadah. Akidah adalah seperti tapak kepada sesebuah binaan. Jika tapak tidak kukuh, maka binaan pasti mudah roboh. Hal yang demikian menjadi penyebab kenapa kepercayaan kepada Allah ﷻ diletakkan di tempat yang pertama di dalam rukun iman.

Pada muka surat 12, penulis menyatakan dua asas dalam agama Islam iaitu menyembah Allah ﷻ Yang Maha Esa dan mengikut syariat Nabi Muhammad ﷺ. Hal yang demikian bermaksud Muslim perlu beribadah hanya kepada Allah ﷻ sepertimana yang diajar oleh Rasulullah ﷺ dan bukan dengan jalan yang lain. Jika kita telah percaya kepada Allah ﷻ sebagai tuhan yang sebenar tetapi mengamalkan ibadah yang direka sendiri, ia juga tidak dikira beriman. Pada muka surat 13, penulis menjelaskan bahawa Muslim perlu mengikut cara ibadah yang diajarkan oleh Nabi Muhammad ﷺ walaupun para nabi dan rasul terdahulu juga mengajarkan tauhid yang sama melalui kaedah peribadatan dan syariat yang berbeza.

Muka surat 14 dan 15 menceritakan tentang sejarah pertama kali berlakunya syirik di muka bumi ini adalah kerana beribadat tidak mengikut wahyu yang dibawa oleh para nabi dan rasul. Sejarah syirik ini berlaku pada zaman Nuh AS. Ia bermula dari pembinaan patung untuk memperingati

manusia-manusia soleh yang telah meninggal dunia dengan harapan membuatkan ibadah mereka kepada Allah ﷻ lebih khusyuk. Namun selepas generasi itu meninggal, tinggalah generasi baharu yang tidak tahu asbab pembinaan patung tersebut yang menyebabkan mudah untuk syaitan menggelincirkan mereka supaya menjadikan patung tersebut sebagai tempat mereka meminta pertolongan. Oleh yang demikian, pada muka surat 16 dan 17, Allah ﷻ melantik para rasul dengan misi utama mereka iaitu mengajak manusia untuk beribadah hanya semata-mata kepada Allah ﷻ dan bukan kepada makhluk.

Pada muka surat 18 sehingga 23, penulis menerangkan tentang sejarah Islam di Nusantara. Penulis memulakan dengan sejarah Nusantara sebelum Islam di mana rata-rata masyarakat menganut fahaman Hindu-Buddha. Pengulas ingin menambah sedikit fakta bahawa selain dari Hindu-Buddha, Nusantara juga memiliki agama masyarakat Nusantara silam seperti Sunda Wiwitan (Saputra, 2020) dan agama Hindu-Buddha di Nusantara tidak sama dengan mereka di Tanah Besar India dan China kerana mereka telah dicampur dengan amalan leluhur agama purba Nusantara (Suamba & Ida, 2013).

Kemudian, penulis menceritakan tentang sejarah kedatangan Islam di Nusantara melalui jalan laut atau perdagangan. Namun begitu, terdapat perselisihan oleh sejarawan untuk menentukan bangsa apakah yang paling awal datang berdakwah di Nusantara. Hal ini kerana Nusantara adalah antara lokasi yang lewat menerima Islam selepas India dan Cina. Oleh itu, terdapat tiga teori pengislaman di Nusantara iaitu dari tanah Arab, India dan juga Cina. Hal yang demikian, amalan Muslim di Nusantara ini memiliki dinamika yang berbeza seperti kuat berpegang kepada ilmu kebatinan seperti bomoh, amalan-amalan meminta kepada dan lain-lain lagi. Pandangan penulis ini boleh diperkukuhkan dengan penulisan Ibnu Batuta yang menceritakan tentang amalan-amalan pelik masyarakat Islam di sesetengah kawasan seperti di India dan sekitarnya (Ibn Batuta, 2013).

Setelah itu, kedatangan penjajah barat menjadikan penyebaran agama Kristian berkembang dalam kalangan orang Batak, Dayak Kadazan-Dusun dan lain-lain lagi. Selain itu, kedatangan penjajah menyemarakkan konsep sinkretisme atau pluralisme dalam beragama yang menyebabkan konsep tauhid semakin ditinggalkan oleh komuniti Islam di Nusantara. Penulis menambah kaedah dakwah di Nusantara yang tidak menitikberatkan nilai tauhid menjadi punca amalan syirik berkembang pesat dalam komuniti Islam. Pendakwah kurang mendidik masyarakat untuk memahami isi kandungan Al-Quran dan Al-sunnah sebaliknya diberatkan isu cabang seperti tajwid, qiraat, falsafah, hukum, adab dan ketaatan kepada guru sejak sekian lama sehingga ia menjadi tidak seimbang.

Pada muka surat 24 sehingga 28, penulis menerangkan tentang lima jenis bahaya syirik iaitu Allah ﷻ tidak memaafkan dosa syirik, membatalkan semua amalan, membawa kehinaan, diharamkan masuk syurga dan kezaliman yang paling besar di sisi agama. Seterusnya penulis menerangkan pada muka surat 29 sehingga 39 tentang godaan syaitan menjadi penyebab utama manusia berbuat syirik. Hal ini kerana syaitan sangat gembira jika anak Adam mengingkari atau menyimpang dari jalan kebenaran. Selain dari bisikan untuk berbuat syirik, syaitan juga mengajak untuk melakukan perkara-perkara seperti bid'ah, dosa besar, dosa kecil, mubah, dan *mafdhul*. Oleh itu penulis mengajak para pembaca untuk ikhlas dalam ibadah dengan mengikuti tatacara yang diperintahkan

oleh Nabi Muhammad ﷺ. Inilah hakikat dua kalimah syahadah yang diperintahkan untuk kita mengulangnya di dalam solat (Yasin, 1990).

Pada muka surat 40 sehingga 57, penulis menerangkan sebab perlu didedahkan masalah syirik. Hal ini kerana bukan mudah untuk “nahi munkar” berbanding “amar makruf. Pastinya ramai yang tidak selesa apabila amalan yang telah dibuat sekian lama oleh masyarakat seperti ilmu perbomohan, kuda kepong, mak yong, mandi safar dan lain-lain lagi dikritik mempunyai unsur-unsur syirik. Namun begitu, disebabkan pentingnya menjaga kemurnian tauhid itu menjadikan para nabi dan rasul sanggup dipulaukan oleh masyarakat yang berbuat kesyirikan demi menyampaikan kebenaran. Ibadah yang kita lakukan sebanyak mana pun dalam hidup boleh terhapus dengan satu perbuatan syirik.

Penulis juga melihat ada di antara Muslim yang merasakan menjadi Islam sudah cukup untuk masuk ke syurga. Mereka merasakan jika sudah Islam kebal dari menjadi musyrik. Hal tersebut tidaklah benar seperti mana yang terdapat di dalam dalil Al-Quran dan al-Sunnah sepertimana yang dinukilkan oleh penulis. Mengucap dua kalimah syahadah mempunyai tiga rukun iaitu mengucap dengan lisan, membenarkan di dalam hati dan mengamalkannya sepanjang masa. Jika salah satu dilanggar, syahadah itu menjadi tiada makna. Penulis menerangkan banyak di antara kita yang lulus syarat lisan dan hati namun gagal pada perbuatan. Penulis juga menerangkan tentang masalah umat Islam yang kebanyakan hanyalah sekadar bertaqlid buta terhadap amalan yang masyarakat mereka lakukan. Mereka tidak benar-benar menelusuri syahadah tersebut sepertimana yang terdapat di dalam pertunjuk wahyu. Oleh yang demikian mereka berbuat kesyirikan tanpa mereka sedar. Apabila ada pendakwah kepada tauhid, syaitan akan membisikan kebencian terhadap mereka yang menjadikan mereka terpalang dari memahami kebenaran yang disampaikan. Syaitan menghasut dengan menjadikan manusia taksud dengan amalan nenek moyang dan tokoh tanpa dalil yang jelas. Apabila ada satu permasalahan, kembalilah kepada Allah ﷻ dan Rasul ﷺ.

Pada muka surat ke 58, penulis mengulang semula kepentingan tauhid. Penulis juga mengulangi cabaran Muslim di Nusantara dan kepentingan dakwah tauhid untuk menghadapi cabaran tersebut. Cara penulis mengulangnya menunjukkan ia adalah perkara yang amat penting yang mahu disampaikan. Umat Islam sangat memerlukan pendakwah yang mengajak kepada tauhid dan melarang kepada kesyirikan.

Pada muka surat 63 sehingga 66, penulis menerangkan tentang langkah-langkah pencegahan syirik. Antaranya seperti tidak boleh melampau dalam memuji Nabi Muhammad ﷺ, tidak membesarkan atau mengagungkan kubur-kubur orang soleh, tidak dibenarkan solat pada waktu yang diharamkan, tidak boleh membuat perjalanan jauh dengan niat mensucikan diri selain Mekah, Madinah dan Baitul Maqdis, tidak boleh membuat nazar pada tempat-tempat tertentu seperti tempat penyembelihan berhala dan tidak boleh menyebut lafaz persamaan antara Allah ﷻ dan makhluk seperti “apa yang Allah ﷻ dan kamu kehendaki”.

Pada muka surat 66 sehingga 76, penulis menerangkan tentang jenis-jenis syirik. Ia terbahagi kepada dua iaitu syirik besar dan syirik kecil. Syirik besar adalah syirik yang boleh membatalkan keislaman jika tidak bertaubat manakala syirik kecil tidak menjadikan seseorang terkeluar daripada agama namun ia menjejaskan nilai tauhid dalam diri muslim. Syirik besar terpecah kepada

beberapa bahagian iaitu syirik doa, syirik sifat, syirik cinta, syirik taat, syirik hulul, syirik tasarruf, syirik tahyul dan syirik hukum. Manakala syirik kecil pula terpecah kepada beberapa bahagian iaitu riyak, *sum'ah* dan takabur.

Syirik besar akan mengakibatkan seseorang itu terkeluar daripada Islam (murtad). Ianya membawa maksud seseorang itu menyekutukan Allah ﷻ di dalam ibadah yang dilakukannya ataupun memalingkan sebahagian ibadah yang hanya Allah ﷻ layak untuk menerimanya kepada sesuatu selainNya. Sebagai contoh, apabila seseorang itu memohon pertolongan daripada sesuatu selain Allah ﷻ di dalam perkara yang mereka tidak mampu untuk memberikannya.

Di antara contoh syirik besar ialah syirik doa. Apabila seseorang berdoa dan memohon kepada selain Allah ﷻ seperti memohon kepada nabi, malaikat dan orang yang dianggap wali agar dimurahkan rezeki atau disembuhkan daripada penyakit. Jenis kedua ialah syirik sifat iaitu kepercayaan atau keyakinan bahawa para nabi dan para wali mengetahui perkara ghaib. Seterusnya ialah syirik cinta. Ia terjadi apabila seseorang itu mencintai orang soleh atau sesiapaupun seperti cintanya kepada Allah ﷻ.

Jenis keempat ialah syirik taat. Jenis syirik ini menuntut seseorang individu mentaati tuan guru atau pemimpin dalam perkara maksiat dan dosa serta beriktikad bahawa gurunya maksum. Syirik *Hulul* pula ialah kepercayaan bahawa Allah ﷻ dapat menyelinap masuk atau meresap pada tubuh makhluknya. Seterusnya, kepercayaan bahawa terdapat sebahagian wali yang dapat mengatur dan mentadbir urusan alam ini selain Allah ﷻ dikenali sebagai syirik *tasarruf*. Yang terakhir bagi jenis syirik besar ialah syirik tahyul. Syirik ini bermaksud berkeyakinan bahawa wali yang sudah mati ataupun orang-orang ghaib masih mempunyai kemampuan untuk memberikan mudarat atau bahaya ke atas dirinya.

Adapun untuk syirik kecil, orang yang melakukan syirik kecil tidaklah terkeluar daripada Islam. Tetapi ianya mencatatkan tauhid dan membuka jalan menuju kepada syirik Besar. Syirik kecil terbahagi kepada dua jenis iaitu syirik zahir dan syirik tersembunyi. Syirik zahir ialah syirik yang berkaitan dengan ucapan atau perbuatan. Contoh perbuatan seperti bersumpah dengan nama Nabi dan nama selain Allah ﷻ. Manakala syirik tersembunyi ialah syirik yang berkaitan dengan niat dan keinginan seseorang seperti riyak, *sum'ah*, *ujub* dan takabur.

Riyak ialah perbuatan memperlihatkan sesuatu, baik barang atau perbuatan baik dengan tujuan agar dilihat oleh orang lain untuk mendapat pujian. Manakala *sum'ah* pula adalah perbuatan menceritakan segala perbuatan baik yang pernah dibuat agar diketahui orang lain. Harapannya setelah itu orang lain akan memuji, mendapatkan penilaian baik, penghargaan atau sebagainya. Sementara *ujub* pula ialah sifat mengagumi diri sendiri atas kelebihan yang dimiliki dan tidak mengembalikan kekuasaan semuanya kepada Allah ﷻ. Yang terakhir, takabur ialah perbuatan mempamerkan kelebihan yang ada sehingga merasakan dirinya lebih baik dan meremehkan orang lain.

Pada muka surat 78 sehingga 89, penulis menerangkan tentang perkara syirik yang berlaku di dalam masyarakat Nusantara. Antaranya seperti sihir, tangkal, perbomohan, tilik nasib dan ramalan bintang. Pada muka surat 90 sehingga 102, penulis menjelaskan bagaimana elemen-

elemen syirik ini melanda umat Islam. Antaranya seperti taklid buta kepada amalan nenek moyang, menyalahkan takdir kerana lahir dalam keluarga yang berbuat syirik, kepercayaan cukup dengan hanya mengucap dua kalimah syahadah boleh masuk syurga dan taksib kepada kubur para wali dan orang soleh yang telah meninggal dunia. Sebelum penulis mengakhiri penulisannya, beliau berkongsi doa dari hadis yang sahih untuk mencari kebenaran. Di dalam isi doa ini, Nabi Muhammad ﷺ mengajarkan kita untuk meminta Allah ﷻ menunjukkan yang benar itu adalah benar, yang salah adalah salah dan menjauhkan diri dari kesamaran. Semoga kita semua dilindungi oleh Allah ﷻ dari melakukan perkara-perkara syirik yang dibincangkan tadi.

Kebaikan buku ini adalah isinya yang ringkas, padat dan mudah difahami. Ia juga disertai dengan dalil dan rujukan yang memudahkan pembaca untuk menyemak semula fakta dan perbincangan buku ini. Manakala kekurangan buku ini pula adalah terdapat beberapa kesalahan ejaan yang mengganggu para pembaca. Buku ini sesuai untuk menjadi panduan bagi mereka yang ingin mempelajari akidah yang selamat daripada unsur kesyirikan lebih-lebih lagi kepada masyarakat awam yang ingin mengenali agama.

## **RUJUKAN**

Ibn Batuta. (2012). *The Travels of Ibn Batūta*. Cambridge University Press.

Saputra, A. T. D. (2020). Menyelidik Kepercayaan Masyarakat Sunda Wiwitan Badui Dalam di Kanekes Lebak Banten. *Ushuluna: Jurnal Ilmu Ushuluddin*, 3(2), 123–138. <https://doi.org/10.15408/ushuluna.v3i2.15200>

Suamba, Ida, B.P. (2013) “Unity in Diversity” dalam *Hindu Indonesia: Refleksi atas Pergulatan Pemikiran dan Tradisi*. In: Seminar Nasional Hindu Indonesia diselenggarakan oleh STAHN Gde Pudja Mataram, 12 s/d 15 September 2013 di Hotel Jayakarta, Lombok Barat, NTB., 12 s/d 15 September 2013, Hotel Jayakarta, Lombok Barat, NTB.

Yasin, A. (1990). *Hakikat dua kalimah syahadat*.

### **Luqman Mahmud**

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Bandar Baharu, Kedah  
Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

### **Adam Danish Khairul Anuar**

Asasi Pengajian Islam  
Pusat Matrikulasi  
Universiti Islam Selangor